



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	15/06/2012

## Najib sukar bubar Parlimen, keadaan tidak memihak BN?

**KUALA LUMPUR:** Sumber dalaman Umno menyatakan, Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak sukar untuk menentukan tarikh membubarkan Parlimen dalam masa terdekat kerana kedudukan soko-nangan tidak menyebelahi BN ketikaini.

Walaupun terdapat rumus menyatakan dalam tempoh Parlimen bersidang yang bermula 11 Jun lalu berkemungkinan Parlimen boleh sahaja dibubarkan,

namun ada yang menyanggah pandangan itu.

Dalam maklumat perisikan, sumber itu mendedahkan bahawa kedudukan terkini tidak menyebelahi BN dengan hanya 80 kerusi Parlimen sahaja yang benar-benar mampu dipertahan BN.

Sedangkan, kata maklumat itu, Pakatan Rakyat pula dikatakan mampu mendapat 87 kerusi.

Baki antara 20 ke 30 kerusi lagi katanya berada dalam

keadaan 'kelabu' buat BN, dan kira-kira 20 ke-25 kerusi pula dalam keadaan 'hitam' buat BN kerana komposisi kerusi Parlimen tersebut mempunyai ramai pengundi bukan Melayu.

Lebih parah lagi kata sumber, Najib bimbang dengan peralihan sokongan yang berlaku di Sabah akibat isu perpecahan dalaman Umno disana.

"Ia akan menjejaskan antara 9 hingga 12 kerusi Parlimen, malah mungkin lebih dari itu, dapat dilihat kecenderungan kaum Kadazan Dusun dan Murut yang mahu mengubah pemerintah di Sabah mu-

takhir ini" katanya lagi.

Kata sumber itu, Najib semakin tidak menentu untuk menetapkan pembubaran Parlimen selepas beberapa insiden termasuk keganasan polis semasa Himpunan Aman Bersih 3.0 28 April lalu, isu skandal Scorpene yang timbul kembali, isu Pusat Fidlot Negara (NFC) dan beberapa isu perkauman yang menebal dimainkan oleh beberapa NGO yang mirip kepada Umno.

"Jika Najib buat pilihan raya dalam masa terdekat, keadaan agak tidak selamat kepada BN. Kita dapat lihat siren kecemasan

dilaungkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang turut membantu berkempen buat BN mutakhir ini," katanya lagi.

Ditanya mengenai hubungan antara Najib dengan Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, sumber berkata, ketika ini nampak dingin' kerana beberapa kenyataan Muhyiddin turut memberi tekanan kepada Najib.

Antaranya kata sumber itu, kenyataan Muhyiddin mengenai Pilihan Raya Umum ke-13 sebagai 'hidup mati BN' yang sekali gus menggambarkan betapa

Umno-BN di bawah Najib berada dalam keadaan 'genting'.

Beliau juga mendakwa, beberapa maklumat perisikan mendapati adanya kecenderungan beberapa ahli Parlimen dan pemimpin Umno di Sabah dan Sarawak akan menyertai Pakatan Rakyat turut membimbangan Najib.

"Ia nyata meresahkan Najib. Keadaan semakin getir dan genting, pelbagai habuan ditabur kepada rakyat tidak menjadi galang ganti kepada pertambahan sokongan, sebaliknya semakin teruk," katanya lagi.